

KERAJAAN NEGERI WUJUDKAN S.M.A.R.T NIAGA@PERAK
DENGAN KOLABORASI STRATEGIK SHOPEE, LAZADA DAN BOOST SEMPENA
SAMBUTAN AIDILFITRI

IPOH, MEI 5, 2020 – Selepas kejayaan inisiatif S.M.A.R.T Iftar @ Perak, Kerajaan Negeri Perak akan memperkenalkan ‘S.M.A.R.T Niaga@Perak’, satu lagi inisiatif e-dagang melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Inisiatif terbaru ini digerakkan dengan kerjasama syarikat-syarikat pengendali platform e-dagang Shopee Malaysia (Shopee) dan Lazada Malaysia (Lazada) serta syarikat pengendali bayaran ‘e-wallet’ Axiata Digital Ecode Sdn. Bhd. melalui aplikasi Boost.

Inisiatif e-dagang di Shopee dan Lazada ini bertujuan menyediakan satu ruang khas bagi para peniaga dari Negeri Perak mempromosi dan menjual produk-produk mereka bukan sahaja di dalam negara, malahan ke pasaran antarabangsa.

Kategori-kategori menarik Hari Raya Aidilfitri yang ditawarkan adalah seperti pakaian, kuih dan biskut raya, barang kecantikan, perhiasan rumah dan banyak lagi. Kedua-dua pihak Lazada dan Shopee turut menawarkan pelbagai insentif menarik kepada para peniaga yang berdaftar melalui S.M.A.R.T Niaga @ Perak.

Lazada menawarkan pengecualian yuran penyenaraian, yuran komisen serta caj transaksi selama 30 hari bagi para peniaga baru di bawah Pakej Kedai Pintar’ Lazada.

Dalam pada itu pihak Shopee melalui pakej sokongan digitalisasi ‘Shopee Seller’, mengecualikan yuran komisen serta menawarkan baucer berjumlah RM400, kredit iklan My Ads sebanyak RM200 dan penghantaran percuma bagi pembelian minimum sebanyak RM19 selama dua minggu kepada para peniaga baru.

Melalui inisiatif ini, pihak Lazada dan Shopee akan mewujudkan satu “landing page” khas bagi peniaga-peniaga Negeri Perak terutamanya yang berdaftar melalui inisiatif S.M.A.R.T Niaga @ Perak.

Kerajaan Negeri juga akan turut serta memberikan sokongan dalam beberapa insentif yang bakal diumumkan dalam masa terdekat bagi menyokong kerjasama Shopee dan Lazada ini.

Melalui aplikasi Boost pula, para peniaga dapat memberikan opsyen bayaran tambahan pembelian tanpa tunai di premis-premis mereka bagi menggalakkan pembelian dan pembayaran tanpa kontak. Pendaftaran peniaga bagi inisiatif S.M.A.R.T Niaga @ Perak kini dibuka melalui portal Digital Perak <https://digital.perak.my/smartniaga/> sempena jualan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri dan pendaftaran dibuka sehingga hujung tahun ini. Satu majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) dengan rakan-rakan strategik ini akan berlangsung pada masa terdekat.

